



جامعة تكنولوجيا مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Fakulti
Perubatan

Garis Panduan Permohonan dan Perkhidmatan **AV Suite**



جامعة تكنولوجيا مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Jabatan
Pendidikan
Perubatan

DOME

Medical Education Technology Team (METT)
Dept. Of Medical Education, UiTM

CARTA ALIR TEMPAHAN AV SUITE

Tempahan AV Suite di laman sesawang Department of Medical Education(DoME)

7 (TUJUH) hari sebelum tarikh penggunaan. Tempahan bagi tujuan pelaksanaan program besar-besaran mestilah dilakukan **2 (DUA)** minggu lebih awal.

↓
Tempahan diterima oleh kerani jabatan.

↓
1-2 hari

Kerani akan mengemelkan status tempahan kepada penempah (Lulus/ Tidak lulus) berserta garis panduan (Jika lulus)

↓
Kerani akan memberi borang maklumbalas penggunaan kepada penempah dalam tempoh 2-3 hari selepas penggunaan dan menghantar kepada EO/MO untuk dianalisa bagi sebarang penampaikan.

PERATURAN PENGGUNAAN AV SUITE

1. Penggunaan AV Suite bagi program/aktiviti yang tidak mengenakan sebarang yuran penyertaan adalah disediakan secara **percuma** untuk semua warga Fakulti Perubatan, UiTM.
2. Penggunaan AV Suite bagi program/aktiviti yang mengenakan yuran penyertaan akan dikenakan caj seperti yang telah ditetapkan oleh pihak di Jabatan Pendidikan Perubatan* (**dalam proses pengemaskinian**)
3. Tempahan AV Suite perlu dibuat **7 hari** lebih awal dari tarikh penggunaan. ***2 minggu** lebih awal bagi program besar-besaran yang memerlukan raptai.
4. Permohonan ini adalah terhad untuk penggunaan ruang sahaja.
5. Bagi pemohon yang memerlukan latihan atau bantuan teknikal semasa penggunaan, pemohon hendaklah membuat permohonan khidmat staf teknikal audiovisual atau IT terlebih dahulu.
6. Sebarang gajet tambahan yang diperlukan oleh pengguna perlu dibawa sendiri. *Sila rujuk lampiran 1 untuk senarai-senarai peralatan yang disediakan di AV suite.
7. Penggunaan bilik ini hanya dibenarkan bagi tujuan **akademik** sahaja (konferensi video, rakaman video, kursus atas talian, podcast)
8. Pihak DoME berhak menegur, mengarah keluar atau menyenarai hitamkan pengguna apabila berlaku penyalahgunaan bilik ini atau pengguna melanggar peraturan yang telah ditetapkan.
9. Penggunaan secara individu untuk urusan peribadi tidak dibenarkan kecuali atas budi bicara jabatan.
10. Pembatalan tempahan mestilah dimaklumkan awal.
11. Tempoh penggunaan: Isnin hingga Jumaat dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang sahaja. Penggunaan pada hari Sabtu, Ahad atau cuti umum adalah tertakluk kepada terma & syarat yang telah ditetapkan.

KEBERSIHAN DAN KESELAMATAN

1. Sila jaga kebersihan bilik sepanjang penggunaan bilik ini.
2. Dilarang membawa makanan dan minuman ke dalam bilik ini.
3. Sila maklumkan kepada staf Jabatan Pendidikan Perubatan setelah selesai menggunakan bilik.
4. Pengguna hendaklah melaporkan kepada pihak Jabatan Pendidikan Perubatan jika terdapat sebarang kerosakan peralatan semasa penggunaan.
5. Pengguna perlu memastikan semua peralatan yang digunakan disusun semula ke tempat asal selepas penggunaan.
6. Pengguna perlu memastikan semua peralatan elektronik, lampu dan penghawa dingin dimatikan sebelum meninggalkan AV Suite.
7. Pengguna bertanggungjawab sepenuhnya sepanjang penggunaan bilik ini dan keselamatan barang peribadi adalah tanggungjawab sendiri.
8. Bayaran denda kerosakan peralatan akan dikenakan kepada pengguna mengikut kos semasa peralatan berkenaan yang dibuat oleh bahagian/unit yang bertanggungjawab.

Garis Panduan

Permohonan dan Perkhidmatan AV Suite

Lampiran 1

Berikut merupakan senarai peralatan-peralatan yang disediakan di AV suite:

1. Handsfree mic (Saramonic)
2. Video Capture Card
3. HDMI- HDMI
4. Boom mic
5. Double mic (Comica)
6. Conference Mic- Anker
7. USB condenser mic
8. Camera M50
9. Wireless keyboard and mouse
10. Ipad and monitor holder
11. Display port to hdmi converter
12. Video capture card
13. Ringlight
14. J5 webcam with optical zoom
15. Aus chromebook
16. J5 webcam controller
17. USB pointer
18. Micro HDMI to HDMI connector
19. Softbox light
20. Display light
21. Green screen

Garis Panduan

Permohonan dan Perkhidmatan AV Suite



Jabatan
Pendidikan
Perubatan

DoME

Medical Education Technology Team (METT)
Dept. Of Medical Education, UiTM